

A close-up, high-angle photograph of Tun Dr Mahathir Mohamad. He is wearing glasses and a dark green button-down shirt. He is looking down at a large sheet of paper he is holding with both hands. The lighting is dramatic, with strong highlights on his face and the paper, and deep shadows elsewhere. The background is blurred, suggesting an indoor setting.

# JEJAK SEORANG PEMIMPIN

Sejarah Lisan  
Tun Dr Mahathir Mohamad



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# JEJAK SEORANG PEMIMPIN





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# JEJAK SEORANG PEMIMPIN

Sejarah Lisan  
Tun Dr Mahathir Mohamad



Diterbitkan oleh

MPH Group Publishing Sdn Bhd

Lot 1, 1st Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4

46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

emel: *mphpublishing@mph.com.my*

Diedarkan oleh

MPH Distributors Sdn Bhd

Ground Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4

46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

emel: *distributors@mph.com.my*

MPH Distributors (S) Pte Ltd

No. 12 Tagore Drive, Habitat Warehouse, Singapore 787621

emel: *sales@mph.com.sg*

Hak cipta © 2014 Yayasan Kepimpinan Perdana

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada pemegang hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jejak seorang pemimpin: sejarah lisan Tun Dr Mahathir Mohamad

ISBN 978-967-415-096-9

1. Mahathir bin Mohamad, Tun, 1925-. 2. Oral history.

3. Malaysia—Politics and government.

907.2

Dicetak oleh

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd

No. 31 Jalan 2/148A

Taman Sungei Besi Industrial Park

57100 Kuala Lumpur, Malaysia

# KANDUNGAN

Prakata	<i>ix</i>
Pengenalan	<i>xii</i>
Pewawancara	<i>xv</i>
1. <i>The Malay Dilemma (Dilema Melayu)</i>	1
2. Penyingkiran dari UMNO	11
3. Kembali ke Pangkuan UMNO	13
4. Dasar Ekonomi Baru (DEB)	17
5. Jawatan yang Diamanahkan (Perdana Menteri Malaysia Keempat)	21
6. Dasar Pandang ke Timur	23
7. Tanah Orang Melayu	29
8. Pindaan Perlembagaan (Hak-hak Istimewa Raja-Raja Melayu)	31
9. Perkongsian Kuasa	33
10. Islam Sebagai Agama Rasmi	35

11. Merancang Masa Hadapan	41
12. Pengalaman Berniaga	45
13. Menangis Kerana Bangsa	49
14. Dasar Pendidikan Kebangsaan	53
15. Dasar Pertanian Negara	69
16. Perindustrian	73
17. Cabaran dalam UMNO	77
18. Kabinet Hari Ini	85
19. Mentadbir Negara	87
20. Krisis Kewangan	91
21. Dasar Penswastaan	93
22. Dasar Luar	97
23. UMNO	103
24. Malaysia dan Negara Luar	109
25. Wanita	115
26. Komanwel ( <i>Commonwealth</i> )	117
27. Wawasan 2020	121
28. Kelantan	123
29. Keluarga dan Persahabatan	125

30. Tadbir Urus ( <i>Governance</i> )	129
31. Barisan Nasional	137
32. Rasuah	143
33. Islam	147
34. Penubuhan Institut Khusus	151
35. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA)	155
36. Pendidikan Tinggi	161
37. Badan Bukan Kerajaan (NGOs)	165
38. Tun Dr Ismail Abdul Rahman	167
39. Moto Perjuangan	169
40. Ucapan Dasar Presiden UMNO	171
41. Yayasan Kepimpinan Perdana “Menyingkap Sejarah Demi Masa Depan”	175
42. Institut Pemikiran Dr Mahathir Mohamad (UUM)	179
Indeks	183

# PRAKATA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# PRAKATA

Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob

Pengarah Eksekutif

Yayasan Kepimpinan Perdana

**W**alaupun dalam dialog, Tun terus menyusup ke akar umbi sesuatu isu secara terperinci persis seorang doktor – mengemukakan pandangan, idea, pendapat dan maklumat secara telus dan sering diiringi dengan jenaka pintarnya.

Dalam jilid wawancara dengan Tun Dr Mahathir Mohamad ini, kita dapat mendengar sendiri dari mulut bekas Perdana Menteri ini mengenai keadaan negara, dahulu, sekarang dan masa hadapan. Terdiri daripada empat sesi dua jam setiap satu, Sejarah Lisan dengan Tun Dr Mahathir membentangkan pemerhatian mendalam yang berguna dan tafsiran yang bermakna mengenai sejarah negara, dasar kerajaan dan peristiwa-peristiwa penting. Mungkin kita sudahpun maklum tentang perkara-perkara ini, namun kita mungkin belum mendengarnya terus dari Perdana Menteri keempat kita sendiri.

Wawancara dibahagikan kepada topik-topik seperti Perniagaan, Etnik, Pendidikan dan Wanita, dan ini menjadikan buku ini sesuai untuk pembacaan secara fokus, ataupun bacaan rambang secara pantas.

Projek Sejarah Lisan ialah satu inisiatif kerjasama antara Yayasan Kepimpinan Perdana dan Universiti Utara Malaysia. Wawancara telah dijalankan dari Oktober 2006 hingga Mac 2007.

Yayasan Kepimpinan Perdana berasa sukacita dapat bekerjasama meneruskan Sejarah Lisan dengan Yang Amat Berbahagia Tun Dr Siti Hasmah.Hj Mohd Ali, dan bekas Ketua-Ketua Setiausaha Negara. Idea penerbitan tersebut lahir ekoran daripada terbitnya penerbitan jilid ini.

Kami mengucapkan terima kasih kepada UUM kerana menjadi rakan kongsi untuk inisiatif yang sangat penting ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada MPH Group Publishing kerana bersetuju untuk menerbitkan jilid ini. Akhir kata, kami mengucapkan terima kasih kepada tetamu wawancara sendiri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kerana sudi meluangkan begitu banyak masa untuk wawancara ini.

Kami percaya jilid yang mengandungi transkrip ini akan menjadi bahan rujukan yang bernilai untuk menjalankan penyelidikan mengenai kepimpinan, dasar dan sejarah.

# PENGENALAN



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# PENGENALAN

**Y**ayasan Kepimpinan Perdana memulakan inisiatif perakaman Sejarah Lisan individu-individu yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sejarah Negara pada tahun 2006. Program Sejarah Lisan ini bermula dengan Perdana Menteri Malaysia yang keempat yang juga merupakan Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr Mahathir Mohamad. Sebanyak 4 sesi wawancara telah diadakan bersama Tun Dr Mahathir Mohamad pada: 16, 19 dan 30 Oktober 2006, dan 19 Mac 2007.

Program Sejarah Lisan Yayasan Kepimpinan Perdana ini dijalankan bersama Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir, IPDM, Universiti Utara Malaysia. Ahli-ahli wawancara ini terdiri daripada: Professor Dr Mustapa Kassim (bekas Pengarah IPDM), Professor Dr Abdul Rahman Abdul Aziz (Pengarah IPDM) dan Dr R. Sivapregasam P. Rajanthiran (ahli sarjana

Yayasan Kepimpinan Perdana dan bekas Timbalan Pengarah, IPDM, Universiti Utara Malaysia).

Program Sejarah Lisan Yayasan Kepimpinan Perdana dengan kerjasama IPDM telah diteruskan dengan wawancara bersama: Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali, Tun Abdullah Ayub, Tan Sri Hashim Aman, Tan Sri Dato' Paduka Salehuddin bin Mohamed, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Tan Sri Abdul Halim Bin Ali, dan Tan Sri Samsudin Bin Osman.